

**Kestabilan kerajaan penting untuk tarik pelabur - Tun M
Astro Awani
28 Januari 2015**

KUCHING: Kestabilan kerajaan merupakan faktor yang amat penting untuk menarik pelabur ke sesebuah negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata tiada pelabur yang sudi datang ke sesebuah negara yang tidak mempunyai kerajaan yang kuat dan stabil.

Menjawab soalan daripada hadirin selepas menyampaikan ucap utama pada Pameran dan Persidangan Minggu Tenaga Antarabangsa Sarawak ketiga di sini hari ini, beliau berkata apabila berlaku pertukaran kerajaan secara mengejut, dasar juga akan berubah secara mengejut atau dasar lama akan diamalkan semula.

"Sekiranya anda sering menukar kerajaan, anda akan mengusir pelabur. Anda juga mengganggu kelicinan fungsi kerajaan," katanya.

Mengenai program pengindustrian Malaysia, Dr Mahathir berkata untuk terus maju, fokus perlu diberi terhadap teknologi tinggi dan aktiviti nilai tambah serta mengurangkan aktiviti berintensifkan buruh.

Dr Mahathir berkata sejajar dengan itu, adalah amat penting bagi kerajaan memberi keutamaan terhadap usaha melahirkan pekerja berpendidikan tinggi.

Mengenai industri minyak dan gas, beliau berkata industri hiliran jauh lebih penting daripada industri hulu.

"Harga minyak akan terus naik turun. Oleh itu, kita perlu memberi fokus terhadap penyelidikan mengenai produk petrokimia dan gas baharu serta aplikasinya.

"Sebagai contoh, sekarang kapal terbang besar diperbuat daripada bahan komposit, bukan lagi daripada aluminium.

"Apabila harga bahan komposit jatuh, permintaan terhadapnya akan meningkat bagi menghasilkan semua jenis kenderaan," katanya.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/kestabilan-kerajaan-penting-untuk-tarik-pelabur-tun-m-52925>